

13 AUG 2003

Sanjungan-Mahathir (Dialog)/I

BEKAS SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL SANJUNG SUMBANGAN DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE, (Swaziland), 13 Ogos (Bernama) -- Bekas Setiausaha Agung

Komanwel, Sir Sridath Ramphal menyanjung tinggi Perdana Menteri Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangan besar beliau dalam memberi kefahaman

kepada Dunia Ketiga tentang isu global, khususnya yang berkaitan dengan

perdagangan.

Ramphal yang menyanjung tinggi sumbangan Dr Mahathir itu menyifatkan

Perdana Menteri sebagai "wira dunia membangun" kerana telah menyuarakan

pendapatnya dengan penuh minat dan berwibawa, khususnya dalam memperjuangkan kepentingan Dunia Ketiga.

Dalam komennya pada perbincangan tidak rasmi menjelang berlangsungnya

Dialog Perkongsian Pintar Global 2003 di Euzulwini, dekat sini, diplomat

terkenal dari Sri Lanka itu berkata Dr Mahathir amat memahami tentang

globalisasi berdasarkan pengetahuan dan pandangannya tentang pelbagai isu

yang berkaitan dengannya.

Sementara itu, dalam pertemuan dengan wartawan Malaysia, para pegawai

yang terlibat dalam perbincangan itu berkata komen yang dibuat oleh Ramphal

itu ialah dalam konteks Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan kebolehan

Dr Mahathir memberi kefahaman kepada negara membangun mengenai isu-isu

perdagangan.

Dalam ucapannya Dr Mahathir sering menuntut diwujudkan satu rejim

perdagangan yang adil di bawah WTO dan bukan sesuatu yang dipaksakan ke

atas negara membangun yang tidak berdaya, dengan berselindung di sebalik

usaha untuk membuka pasaran melalui globalisasi.

Beliau juga berkata oleh kerana globalisasi hanya menguntungkan negara

kaya atas penderitaan negara miskin, maka negara-negara membangun perlu

berganding bahu dan mewujudkan sebuah benteng kukuh untuk menangani isu

perdagangan sejagat.

Beberapa pegawai yang pakar dalam isu perdagangan dan pelaburan di sini berkata terdapat kebimbangan bahawa Mesyuarat Peringkat Menteri WTO yang akan berlangsung selama empat hari bermula 10 Sept ini di Cancun, Mexico, akan menemui kegagalan.

Menurut laporan, Amerika Syarikat dan Eropah telah mengambil pendirian keras terhadap beberapa isu yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk pengeluaran ubat-ubatan murah bagi membanteras wabak HIV-AIDS, di Afrika.

Walaupun Amerika dan Eropah bersetuju pada mesyuarat peringkat menteri yang berlangsung di Doha untuk membenarkan negara Afrika menghasilkan ubat-ubatan yang amat diperlukan itu, tetapi kini mereka mengubah pendirian setelah menerima tekanan hebat daripada pelobi farmaseutikal yang begitu berpengaruh.

Kini, mereka mendesak Afrika dan negara membangun membeli ubat-ubatan yang lebih mahal - sesuatu yang pasti tidak mampu dipenuhi oleh penduduk Afrika yang amat miskin.

"Amerika dan Eropah telah mengubah pendirian dan penduduk di sini berada di ambang maut," kata seorang pegawai yang tidak mahu dikenali.

Malah, dalam bidang pertanian juga, Amerika dan Eropah menambah jumlah subsidi kepada petani mereka dan menjadikan petani Afrika mustahil dapat bersaing secara adil dengan produk yang dikeluarkan oleh petani mereka.

-- BERNAMA

MR HK SP LAT